

19 October 2017

Kepada Badan atau Orang Perseorangan yang berkepentingan,

**Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Audit Persijilan MSPO Bagi Genting Plantations Berhad – Kilang Kelapa Sawit Genting Tanjung dan ladang-ladang, Kinabatangan, Sabah, Malaysia**

Genting Plantations Berhad telah melantik BSI untuk melaksanakan audit pensijilan MSPO untuk Kilang Kelapa Sawit Genting Tanjung dan ladang-ladangnya. Penilaian akan dilaksanakan ke atas 1 kilang kelapa sawit dan 5 ladang kelapa sawit yang diuruskan oleh syarikat berkenaan. Kilang kelapa sawit tersebut terletak di Kinabatangan, Sabah, Malaysia

BSI merancang untuk melakukan audit pensijilan Kilang Kelapa Sawit Genting Tanjung pada 20 & 21 November 2017. Audit pensijilan akan diadakan menurut MSPO MS 2530-3:2013 – *General principles for oil palm plantations and organized smallholders* & MS 2530-4:2013 – *General principles for palm oil mills*. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian Standard MS 2530:2013 Malaysia.

Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

<b>Kilang Kelapa Sawit Genting Tanjung dan ladang-ladang</b>	
Nama unit pengurusan	Kilang Kelapa Sawit Genting Tanjung
Alamat lokasi	Mile 97, Sandakan-Lahad Datu Road, Tenegang, Jalan Jeroco 90200 Kinabatangan, Sabah, Malaysia
Ladang	Genting Tanjung, Genting Tenegang, Genting Landworthy, Genting Layang & Genting Bahagia
Jumlah kawasan ladang kelapa sawit yang akan diaudit	18,662.35 ha
Standard yang digunakan	MS 2530-3:2013 & MS 2530-4:2013 boleh dibeli secara atas talian di ( <a href="http://www.msonline.gov.my/catalog.php">http://www.msonline.gov.my/catalog.php</a> )

BSI adalah pembekal penilaian dan pensijilan sistem pengurusan global terkemuka, dengan lebih dari 60,000 lokasi yang diiktiraf dan pelanggan di lebih dari 100 buah negara. Piawaian BSI adalah sebuah Badan Piawaian Kebangsaan United Kingdom.

Pasukan audit dari BSI yang akan melaksanakan audit penilaian utama di Kilang Kelapa Sawit Genting Tanjung dan ladang-ladangnya terdiri daripada:

**En. Mohamed Hidhir** sebagai Ketua Juruaudit (GHG, Alam Sekitar Amalan Pertanian Terbaik di Ladang, Aspek Undang-Undang, Sosial) **En Daniel Francis** (Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, Aspek Undang-undang & sosial) dan **En Hafriazhar Mohd Mokhtar** sebagai Juruaudit (Aspek undang-undang, Biodiversiti, Sosial & Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran)

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau orang perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Komitmen dan tanggungjawab pihak pengurusan
- Ketelusan
- Pematuhan kepada undang-undang
- Tanggungjawab sosial, kesihatan dan keselamatan pekerjaan
- Pemeliharaan alam sekitar, sumber asli, kepelbagaian bio dan ekosistem
- Amalan pertanian baik
- Pembangunan untuk penanaman pokok sawit baru

Komen-komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini. Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama: .....  
Alamat: .....  
Email: .....  
Nombor Telefon: .....  
Nombor Faks: .....

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

**Pengurus Operasi**

En. Nicholas Cheong  
BSI Services Malaysia Sdn Bhd  
Unit 10-03, Level 10, Tower A  
The Vertical Business Suites  
Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi  
59200 Kuala Lumpur Malaysia  
Fax : +603-2242 4218  
Email : [Nicholas.Cheong@bsigroup.com](mailto:Nicholas.Cheong@bsigroup.com)

**DAN/ATAU**

**Auditee:**

En Chew Jit Seng  
Vice President Sustainability  
Genting Plantations Berhad  
3<sup>rd</sup> Floor, Wisma Genting  
Jalan Sultan Ismail  
50250 Kuala Lumpur  
Fax : +603-2333 6575  
Email : [jitseng.chew@genting.com](mailto:jitseng.chew@genting.com)

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang benar,



.....  
Nicholas Cheong  
Pengurus Operasi